

# Peranan sekolah kebangsaan

KUM 25 DEC 2001

**K**UALA LUMPUR 24 Dis. — Kemasukan 60,000 murid dari kaum Melayu ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) tidak akan menjejaskan peranan sekolah kebangsaan sebagai ejen perpaduan kaum, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Malah, Perdana Menteri berpendapat langkah yang diambil oleh murid-murid itu boleh mengukuhkan lagi hubungan antara masyarakat Melayu dan Cina kerana mereka akan lebih memahami bahasa dan kebudayaan kaum Cina kerana yang diajar di sekolah tersebut.

“Bagi saya kalau pelajar-pelajar Melayu belajar di SJKC, sekurang-kurangnya mereka boleh mempunyai hubungan yang rapat dengan para pelajar Cina kerana mereka belajar bahasa Cina dan lebih

faham cara-cara kebudayaan orang Cina,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Galeri Tun Ismail Mohamed Ali di Plaza Permodalan Nasional Berhad, Jalan Tun Razak, di sini, hari ini.

## Mengkaji

Perdana Menteri diminta mengulas pendudukan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) semalam bahawa 60,000 murid Melayu kini mendapat pendidikan di SJKC di seluruh negara.

Sehubungan itu Setiausaha NUTP, Datuk N. Siva Subramaniam meminta Kementerian Pendidikan mengkaji secara menyeluruh mengenai perkembangan tersebut kerana ia boleh memberi kesan kepada keberkesanan sekolah kebangsaan sebagai ejen perpaduan.

Sementara itu Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Shamsudin ketika ditemui pada majlis yang sama hari ini berkata, kerajaan tidak pernah menghalang ibu bapa Melayu menghantar anak-anak mereka mendapatkan pendidikan rendah di SJKC.

Beliau berkata, ini kerana ia berkaitan dengan minat ibu bapa dan minat anak itu sendiri, asalkan sistem pendidikan di SJKC mengikut sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

Katanya, yang membezakan antara sekolah kebangsaan dan SJKC ialah bahasa penghantarnya bahasa Mandarin tetapi bahasa Melayu adalah diwajibkan.

“Ia tidak jadi masalah bagi pelajar Melayu mendapat pendidikan di SJKC. Selain mereka masih berpeluang belajar

bahasa Melayu mereka juga berhak mendapat pendidikan agama Islam jika jumlah pelajar Melayu itu lebih daripada 15 orang,” katanya.

Begitu juga, katanya, sekiranya jumlah pelajar Cina atau India yang belajar di sekolah kebangsaan lebih daripada 15 orang, mereka berhak mempelajari bahasa ibunda masing-masing.

## Mencukupi

“Apabila ada sekolah kebangsaan yang mempunyai pelajar Cina dan India lebih daripada 15 orang, pihak sekolah boleh membuat permintaan daripada Jabatan Pendidikan untuk mendapatkan guru bahasa Tamil dan Mandarin.

“Saya percaya jumlah guru yang mengajar dua bahasa ini mencukupi kerana guru yang telah bersara pun turut diambil bekerja,” tambahnya.

**tak terjejas**